

17/06/2000

NTT serius mahu beli ekuiti Telekom: PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Nippon Telegraph & Telephone (NTT) adalah serius dalam hasratnya membeli kepentingan dalam Telekom Malaysia Bhd (Telekom).

"Syarikat itu masih lagi berunding untuk mengambil alih sedikit kepentingan dalam Telekom," katanya selepas merasmikan Pusat Perisian Motorola di Cyberjaya, semalam.

Ditanya berapa banyak kepentingan yang akan diambil NTT, Dr Mahathir berkata: "Mereka akan mengambil peratusan kepentingan yang kecil, mungkin kurang dari 10 peratus."

Sejak hujung tahun lalu, NTT dilaporkan sedang berunding dengan bahagian pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) bagi membeli di antara 15 sehingga 20 peratus kepentingannya dalam Telekom pada pertimbangan antara RM15-RM16 sesaham.

Khazanah mempunyai 40 peratus kepentingan dalam syarikat telekomunikasi terbesar Malaysia itu.

Syarikat asing dibenarkan mengambil hingga 61 peratus kepentingan dalam syarikat telekomunikasi Malaysia.

(END)